

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 APRIL 2015



Najib **mengucapkan takziah kepada Hamizah (tiga dari kanan) dan ahli keluarga** ketika menziarahi jenazah Mohd Po'ad di Masjid Pangkalan Udara Subang, malam tadi. BH - 1/4/2015 [FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]

Setiausaha Sulit Najib meninggal

Subang: Datuk Seri Najib Razak menyifatkan pemergian Setiausaha Sulitnya, Datuk Mohd Po'ad Jelani, akibat barah Lymphoma, sebagai satu kehilangan besar buat dirinya dan Pejabat Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, Allahyarham Mohd Po'ad, 50, sangat berdedikasi dan amanah dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan.

"Saya amat bersedih dengan

pemergian Allahyarham, pemergian beliau adalah satu kehilangan besar bagi saya dan pejabat," katanya selepas selesai menunaikan solat jenazah di Masjid Pangkalan Udara Subang di sini, malam tadi.

Allahyarham Mohd Po'ad menyertai Najib pada tahun 1999 ketika memegang jawatan Menteri Pendidikan.

"Saya ambil beliau bekerja dengan saya selepas melihat

ciri kepemimpinan yang ada padanya yang ketika itu Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia," katanya.

Jalani rawatan kimoterapi

Mohd Po'ad meninggal dunia di Hospital Raffles, Singapura, ketika menjalani rawatan kimoterapi, pagi semalam.

Jenazah beliau yang tiba di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Su-

bang, dimandi, dikafan dan disembahyangkan sebelum dihantar ke kampung halamannya di Kampung Janda Baik, Pahang, jam 8 malam tadi.

Jenazah Allahyarham dibeumikan selepas solat Isyak.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, Datin Hamizah Abdul Khalid dan tiga anak, Nabilatasha, 23; Nabila Afiqah, 21, dan Muhamad Irfan Hazim, 16.

